

## **10.5: PENILAIAN ASPEK IMPAK YANG MEMBERI KESAN KEPADA PENGURUSAN ALAM SEKITAR**

### **Tujuan**

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk untuk memaklum dan mendapatkan perhatian Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan ISO Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai penilaian aspek impak yang memberi kesan kepada pengurusan alam sekitar.

### **Latar Belakang**

2. Daftar Aspek Impak EMS UPM dibangunkan berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 klausa 4.3.1 yang mengandungi semua aktiviti dan proses yang boleh memberi kesan terhadap alam sekitar di UPM iaitu impak kepada udara, air, tanah, bunyi dan sumber alam. Penilaian perlu dibuat mengambilkira penglibatan akta dan perundangan, kebarangkalian berlaku pencemaran, darjah kerosakan kepada alam sekitar, dan kepentingan kepada organisasi.

3. Daftar Aspek Impak UPM yang dibangunkan perlu disemak secara berkala supaya aspek dan aktiviti yang dilaksanakan di UPM dapat dikenalpasti secara menyeluruh dan bersesuaian.

### **Perubahan Daftar Aspek Impak EMS Tahun 2017**

4. Daftar Aspek Impak EMS Edisi 3.0 telah mula berkuatkuasa pada 24 Mac 2017. Daftar ini telah ditambahbaik secara menyeluruh hasil daripada laporan ketakakuran (NCR) penemuan Audit Pemantauan Semakan 2, Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 pada tahun 2016.

5. Perubahan menyeluruh Daftar Aspek Impak EMS Edisi 3.0 adalah merangkumi perkara berikut:

- (a) Pembahagian impak alam sekitar kepada lima (5) iaitu udara, tanah, air, bunyi dan sumber alam;
- (b) Aspek persekitaran berdasarkan aktiviti yang dijalankan di UPM;
- (c) Kriteria penilaian bagi impak dan penentuan aktiviti yang signifikan dengan UPM adalah berdasarkan penilaian impak (Kebarangkalian berlaku pencemaran, darjah kerosakan kepada alam sekitar dan kepentingan kepada organisasi) dan penentuan signifikan yang telah ditetapkan sebagaimana **Lampiran**;
- (d) Pengenalpastian undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan bagi aktiviti yang melibatkan undang-undang;
- (e) Pengenalpastian kawalan sedia ada atau cadangan aktiviti bagi aspek persekitaran yang disenaraikan;
- (f) Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat bagi setiap aktiviti yang disenaraikan.

6. Perincian Daftar Aspek Impak Alam Sekitar UPM Edisi 3.0 boleh dirujuk dalam portal Sistem Pengurusan ISO (e-ISO) UPM di bawah pautan Dokumentasi EMS ISO 14001.

### **Syor**

7. Ahli MKSP UPM dimohon:

- (a) mengambil perhatian Daftar Aspek Impak Alam Sekitar EMS UPM Edisi 3.0 yang telah berkuatkuasa pada 24 Mac 2017 yang perlu dirujuk oleh PTJ dalam melaksanakan EMS;
- (b) mengambil perhatian perubahan menyeluruh Daftar Aspek Impak EMS UPM mengambilkira maklum balas pihak Audit Badan Pensijilan SIRIM yang memberi kesan kepada PTJ dalam mempertingkatkan kefahaman berkaitan Daftar Aspek Impak sebagai rujukan utama dalam pelaksanaan EMS di UPM.

**Lampiran****KRITERIA PENILAIAN****1.0 Penilaian Impak****1.1 Kebarangkalian berlaku pencemaran**

Peringkat	Kriteria
H	Kemungkinan berlaku tinggi
M	Kemungkinan berlaku
L	Tidak mungkin berlaku

**1.2 Darjah Kerosakan kepada alam sekitar**

Peringkat	Kriteria
H	Kerosakan besar kepada alam sekitar dan memerlukan jangka masa yang lama untuk ditangani (Melebihi sebulan)/ kos yang tinggi (Melebihi RM10 ribu)
M	Kerosakan kecil dan mudah ditangani dengan masa yang singkat / kos rendah
L	Tidak memberi kesan kepada alam sekitar

**1.3 Kepentingan kepada Organisasi**

Peringkat	Kriteria
H	Sangat penting (Implikasi kepada dasar/pekeliling universiti)
M	Penting (Berpotensi memberi impak kepada Universiti)
L	Tidak penting

**2.0 Penentuan Signifikan**

<b>Signifikan (√)</b>	(a) Penilaian impak melibatkan Legal
	(b) Penilaian impak terdapat salah satu 'H'
<b>Tidak Signifikan (X)</b>	Sekiranya penilaian impak tidak terdapat 'H' atau Legal